

KERTAS LATIHAN PEPERIKSAAN 3

Nama : _____

Darjah : _____

Tarikh : _____

Masa: 1 jam 40 min

Markah
90

BAHAGIAN A IMBUHAN (10 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

- | | |
|---|---|
| <p>Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi juga</p> <p>(1) _____ dengan nama Abdullah</p> <p>Munsyi. Beliau (2) _____ pada bulan</p> <p>April, tahun 1797, di Kampung Pali, Melaka.</p> <p>Sejak kecil lagi, Abdullah telah diajar</p> <p>(3) _____ Al-Qur'an dan juga belajar</p> <p>tulisan Jawi.</p> <p>Abdullah (4) _____ dan diajar</p> <p>secara tegas oleh datuknya sendiri. Jika beliau</p> | <p>1. (1) berkenalan
(2) dikenali
(3) mengenali
(4) pengenalan ()</p> <p>2. (1) dilahirkan
(2) melahirkan
(3) kelahiran
(4) terlahir ()</p> <p>3. (1) dibaca
(2) membaca
(3) pembaca
(4) terbaca ()</p> <p>4. (1) dididik
(2) mendidik
(3) pendidikan
(4) terdidik ()</p> |
|---|---|

(5)_____ membuat kesilapan, beliau
akan menerima hukuman.

Beliau dikatakan pernah (6)_____

hikayat-hikayat Melayu dan buku-buku
bahasa Arab. Beliau juga (7)_____

bahasa Melayu kepada askar-askar

(8)_____ India. Manakala askar-askar

India itu pula mengajarnya bahasa Hindi.

Abdullah terus (9)_____ bahasa

Melayu dan bahasa Arab. Beliau juga

mempelajari bahasa Inggeris daripada

Paderi Milne dan Paderi Thomsen. Sebagai

(10)_____, beliau telah mengajar

mereka bahasa Melayu.

5. (1) didapati
(2) mendapati
(3) pendapat
(4) terdapat ()

6. (1) bersalin
(2) disalin
(3) menyalin
(4) penyalin ()

7. (1) ajaran
(2) belajar
(3) diajar
(4) mengajar ()

8. (1) berbangsa
(2) kebangsaan
(3) membangsakan
(4) sebangsa ()

9. (1) kedalaman
(2) mendalami
(3) pendalaman
(4) sedalam ()

10. (1) balasan
(2) dibalas
(3) membalas
(4) terbalas ()

BAHAGIAN B PERIBAHASA (5 × 2 markah)

Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

Liza amat gembira pada hari itu. Dia telah memenangi peraduan Kuiz Bahasa Melayu. Ibu bapa Liza amat (11) <u>berbesar hati</u> di atas kejayaan Liza. Oleh sebab Liza seorang yang (12) <u>tajam akal</u>, kejayaannya dalam peraduan itu sudah diduga.	11. (1) berasa sedih (2) berasa bangga (3) berasa kecewa (4) berasa cemburu ()
Pada hari pertandingan itu, rakan-rakan Liza telah hadir dan memberi sokongan kepadanya. Memang mereka (13) <u>bagai isi dengan kuku</u>. Liza (14) <u>berasa senang</u> dengan sikap rakan-rakannya itu.	12. (1) cepat berfikir (2) cepat menolong orang (3) cepat menerima pelajaran (4) cepat memberikan pandangan ()
Ibu bapa Liza sentiasa menasihatinga	13. (1) perhubungan yang baik (2) perhubungan yang amat akrab (3) perhubungan yang tidak menentu (4) perhubungan yang direstui oleh ibu bapa ()
	14. (1) cari jalan (2) tahan hati (3) tajam akal (4) lapang dada ()

supaya jangan bersikap (15) sombong atau

megah terhadap rakan-rakannya. Liza tidak

akan melupakan nasihat ibu bapanya itu dan

akan sentiasa mengamalkannya.

15. (1) ambil hati
(2) jaga mulut
(3) hidung tinggi
(4) campur tangan

()

BAHAGIAN C GOLONGAN KATA (5 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Pada waktu petang, penduduk-penduduk

Kampung Mukim selalu berkumpul di balai

rakyat. Kebanyakan daripada mereka itu

(16)_____ mendengar suara burung,

termasuk Pak Malim.

16. (1) taat
(2) minat
(3) gemar
(4) teruja

()

17. (1) selalu
(2) sahaja
(3) sekali
(4) hendaknya

()

Pak Malim bukan sahaja penggemar

suara burung, malah dia juga gemar memburu

burung. Nasibnya sungguh baik

(17)_____.

Setiap kali Pak Malim memburu burung,
sudah pasti seekor burung akan

(18)_____ dalam jebaknya.

Pada suatu hari Pak Malim telah berjaya
menjerat seekor burung merbuk. Dia
membawa pulang burung itu dengan hati
yang amat (19)_____.

Burung itu pun dimasukkannya ke dalam
sebuah sangkar yang berwarna kuning
keemasan. Makan dan minum burung merbuk
itu pun dijaga dengan (20)_____
sekali. Pak Malim tidak pernah mensia-siakan
burungnya itu.

18. (1) tertangkap
(2) terselit
(3) terpaut
(4) terperangkap ()

19. (1) pilu
(2) sedih
(3) bangga
(4) girang ()

20. (1) rapi
(2) susah
(3) tenang
(4) berjaya ()

BAHAGIAN D KEFAHAMAN 1 (5 × 2 markah)

Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Hari ini merupakan hari yang paling **bahagia** bagi Kak Zeti. Dia menjadi 'raja sehari' pada hari ini. Sanak-saudara dan sahabat-handai datang ke rumah kami sejak semalam lagi. Mereka bergotong-royong, mendirikan khemah, memasak nasi minyak, lauk-pauk, membasuh pinggan-mangkuk dan melayan tetamu-tetamu yang hadir.

Mak andam pula sibuk menghias bilik pengantin. Mak andam bukan hanya menyolek pengantin malah dia juga boleh menggubah barang-barang hantaran dan menyiapkan pelamin.

Dari jauh kedengaran bunyi kompang. Bunyi kompang itu menandakan rombongan pengantin lelaki sudah tiba. Kak Zeti duduk di atas pelamin sementara saudara-mara kami menyambut kedatangan mereka. Kemudian, kedua-dua pengantin duduk bersanding di atas pelamin.

Ramai orang melihat Kak Zeti dan Abang Faizal bersanding. Mereka kelihatan begitu berseri-seri bagai pinang dibelah dua. Kak Zeti memakai baju kebaya songket berwarna hijau. Abang Faizal pula memakai tanjak dan pakaian **sedondon** dengan pengantin perempuan.

Setiap tetamu yang hadir diberikan berkat bunga telur sebagai tanda terima kasih daripada keluarga kedua-dua pengantin. Pada hari itu, saya begitu sibuk melayan tetamu dan menghidangkan makanan. Namun saya tidak merungut kerana saya tahu majlis ini sangatlah bermakna untuk Kak Zeti dan keluarga saya.

Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

21. Hari itu ialah hari yang bahagia bagi Kak Zeti kerana dia _____.
- (1) akan berkahwin
 - (2) akan menjadi raja
 - (3) akan menjadi mak andam
 - (4) akan bergotong-royong mendirikan khemah ()
22. Kaum kerabat penulis datang ke rumahnya untuk bergotong-royong _____.
- (1) lusa
 - (2) tulat
 - (3) kelmarin
 - (4) hari sebelumnya ()
23. Perkataan **sedondon** dalam petikan bermaksud _____.
- (1) secocok
 - (2) sepasang
 - (3) setanding
 - (4) seganding ()
24. Perkataan yang berlawanan dengan perkataan **bahagia** ialah _____.
- (1) derita
 - (2) sedih
 - (3) muram
 - (4) ngeri ()
25. Bunga telur diberi sebagai tanda terima kasih kerana _____ di majlis itu.
- (1) bergotong-royong
 - (2) menjadi tetamu
 - (3) menyambut kedatangan pengantin lelaki
 - (4) melihat kedua mempelai di atas pelamin ()

BAHAGIAN E FRASA (4 × 2 markah)

Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) ingin bersantai
- (2) yang dikatakan Sang Kancil
- (3) hendak menghitung kita semua
- (4) yang diperintahkan oleh Raja Sulaiman
- (5) beraturlah kamu semua, wahai sang buaya sekalian
- (6) ingin menyeberang sungai ini untuk makan buah-buah di sini

Sang Kancil: Wahai Sang Buaya sekalian. Aku telah mendapat perintah dari Raja Sulaiman.

Sang Buaya: Wahai Sang Kancil. Apakah (26)_____?

Sang Kancil: Aku diperintahkan oleh Raja Sulaiman untuk menghitung kamu semua. Ayuhlah (27)_____.

Sang Buaya: Wahai kawan-kawan sekalian. Beraturlah semua, Sang Kancil (28)_____.


Sang Kancil: Terima kasih wahai Sang Buaya sekalian.
 Satu, dua, tiga lekuk, siapa salah kena ketuk.
 Ha, ha, ha, ha! Kamu telah ditipu.
 Aku hanya (29)_____.

Sang Buaya: Berwaspadalah Sang Kancil. Satu hari nanti aku akan tangkap engkau dan makan engkau.

BAHAGIAN F KEFAHAMAN 2 (32 markah)*Teliti brosur yang berikut.*


PAMERAN PERABOT

Saksikan pameran perabot raksasa!

Pelbagai jenis perabot yang tidak pernah anda temui ada di sini!
Di antara perabot yang dipamerkan ialah:

- Almari hiasan dan pakaian
- Meja solek berukir
- Sofa fabrik berkualiti
- Pelbagai jenis kerusi
- Meja
- Katil dan macam-macam lagi




**Pameran bermula daripada
20 Jun - 25 Jun**

**Di nombor 10 Broadway Lane
9 pagi hingga 9 malam
(ditutup pada hari cuti awam)**

**Dapatkan
potongan harga
sebanyak
50% bagi setiap
pembelian!
Rebutlah peluang ini!!!**

Berdasarkan brosur di halaman 9, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

30. Pameran perabot raksasa ini diadakan di _____. (2 markah)
 (1) kilang (2) gedung
 (3) Singapura (4) nombor 10 Broadway Lane ()
31. Pameran ini akan berlangsung selama _____. (2 markah)
 (1) sebulan (2) lima hari
 (3) seminggu (4) enam hari ()
32. Pameran ini dapat menarik ramai pelanggan kerana _____. (2 markah)
 (1) perabot yang dipamerkan adalah perabot raksasa
 (2) mereka mahu merebut peluang yang diberi
 (3) potongan harga sebanyak 30% yang ditawarkan
 (4) potongan harga sebanyak 50% yang ditawarkan bagi setiap pembelian ()
33. Produk yang tidak akan dipamerkan dalam pameran ini ialah _____. (2 markah)
 (1) cadar (2) set sofa
 (3) bingkai katil (4) almari pakaian ()
34. Ibu kamu hendak menukar perabot rumah. Berikan ibu kamu dua sebab mengapa beliau harus membeli perabot di pameran perabot ini.

Gunakan informasi yang terdapat di dalam iklan di halaman 9 untuk meyakinkan ibu kamu dalam perbualan kamu dengannya. (4 markah)

Kamu: Ibu, marilah kita pergi ke pameran perabot ini.

Ibu: Buat apa Hadi? Bukankah mahal perabot-perabot di situ?

Kamu: _____

Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Syafiq merupakan buah hati ayah dan ibunya. Mereka sangat sayangkan Syafiq kerana dia adalah anak tunggal mereka. Rakan-rakan Syafiq tidak sukakannya kerana dia sering berbohong dan bercakap besar. Syafiq suka bercerita kepada kawan-kawannya yang dia mempunyai mainan yang mahal dan cantik-cantik. Dia juga **suka** memandang rendah terhadap kawan-kawannya yang miskin.

Pada suatu hari, Amin telah mencabar Syafiq supaya menunjukkan semua mainannya yang mahal-mahal itu. Syafiq berasa **bimbang** kerana sebenarnya, dia tidak mempunyai mainan yang mahal pun. Dia cuba mencari jalan keluar daripada masalahnya itu. Setelah puas berfikir, dia pun mengambil keputusan untuk tidak balik terus ke rumah selepas waktu sekolah.

Apabila loceng sekolah berbunyi, menandakan sekolah telah tamat Syafiq pun bergegas keluar dari kawasan sekolahnya. Dia telah pergi ke sebuah kedai yang menjual pelbagai mainan. Dia memandang ke kiri dan ke kanan. Tuan punya kedai itu sedang berbual-bual dengan seorang pelanggan. Syafiq cepat-cepat mengambil sebuah kereta mainan bermotor yang paling mahal dan memasukkannya ke dalam beg sekolahnya.

Malangnya, perbuatannya itu telah dilihat oleh seorang jurujual. Jurujual itu segera memberitahu tuan punya kedai itu. Nasib Syafiq tidak baik kerana dia telah ditangkap oleh pemilik kedai itu dan dibawa ke balai polis. Syafiq tertunduk malu. Dia tidak tahu apakah nasibnya nanti.

Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

35. Mengapakah Syafiq merupakan buah hati kepada ibu bapanya? (2 markah)

36. Apakah yang Syafiq suka cerita pada kawan-kawannya? (2 markah)

37. Nyatakan **dua** sebab mengapa kawan-kawan Syafiq tidak suka kepadanya. (4 markah)

38. Nyatakan **dua** sebab mengapa Syafiq mengambil keputusan untuk mencuri dari kedai mainan itu. (4 markah)

39. Jika kamu adalah tuan punya kedai itu, apakah yang akan kamu lakukan? Mengapa? (4 markah)

40. (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 11, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) suka (1 markah)

(ii) bimbang (1 markah)

(b) Terdapat perkataan dalam petikan di halaman 11 yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(i) harga yang tinggi - _____ (1 markah)

(ii) cepat-cepat berlari - _____ (1 markah)